

**Ucapan Perasmian
Pelancaran Minggu Kesedaran Kewangan (M2K)
Oleh YAB Dato' Ahmad bin Said
Menteri Besar Terengganu Darul Iman
22 Oktober 2009**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Siti Norma Yackob
Pengerusi Biro Pengantaraan Kewangan
Yang Berbahagian Dato' Mohd Razif Abd Kadir
Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia
Yang Berbahagia Dato' Haji Mokhtar Bin Nong
Setiausaha Kerajaan Terengganu
Datuk-datuk, datin-datin
Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin sekalian

Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini di Pameran Minggu Kesedaran Kewangan atau M2K 2009. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada penganjur kerana berjaya mengadakan pameran M2K di negeri Terengganu Darul Iman ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,
Saya difahamkan bahawa M2K yang bertemakan "Celik Kewangan, Ceria Kehidupan" ini merupakan kali yang kedua diadakan dengan anjuran bersama oleh Bank Negara Malaysia, Biro Pengantaraan Kewangan (BPK), Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Aktiviti M2K 2009 ini telahpun dimulakan dari 18 hingga 21 Oktober 2009 di mana beberapa siri seminar telahpun dijalankan di beberapa kolej/universiti dan organisasi lain di sekitar Kuala Terengganu seperti kolej kejururawatan, markas Batalion ke 8 Askar Melayu dan Polis DiRaja Malaysia. Seterusnya bermula dari hari ini sehingga Sabtu, 24 Oktober 2009, Pameran Pendidikan Kewangan akan dijalankan di pusat dagangan ini.

Saya juga difahamkan M2K ini mempunyai beberapa objektif murni yang sepatutnya mendapat sokongan dan dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya pengguna-pengguna produk dan perkhidmatan dalam sektor kewangan. Antara objektif tersebut ialah meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan dan fungsi penganjur program dalam memberikan pendidikan kewangan serta meningkatkan perlindungan kepada pengguna-pengguna sektor kewangan.

Objektif seterusnya ialah bagi menambahkan lagi pengetahuan orang ramai mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan dan meningkatkan kemahiran mereka dalam pengurusan kewangan keluarga dan peribadi. Ini dilakukan menerusi pameran umum yang komprehensif, taklimat dan seminar kewangan, sesi kaunseling dan sesi perundingan secara bertemu muka dengan kakitangan sebahagian besar dari institusi-institusi kewangan yang ada di negara ini untuk mendapatkan maklumat juga nasihat kewangan daripada

perunding-perunding kewangan melalui sesi klinik kewangan yang disediakan secara percuma.

Selain daripada penyedia-penyedia perkhidmatan kewangan di bawah Bank Negara Malaysia, penganjur M2K 2009 juga telah mengumpulkan pelbagai pihak lain yang terlibat dalam sektor kewangan termasuk agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, persatuan dalam sektor kewangan, dan syarikat-syarikat unit amanah, untuk berkongsi dan bertukar pengalaman dan maklumat berkaitan kewangan. Sehubungan itu, orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan penerangan secara langsung serta menyeluruh di bawah satu bumbung dari institusi-institusi dan agensi-agensi lain berkaitan sektor kewangan semasa pameran M2K 2009 selama tiga hari ini.

Para hadirin sekalian,

Pepatah Melayu ada mengatakan - lain hulu, lain parang, lain dahulu, lain sekarang. Pada waktu ini, perkhidmatan perbankan telah bertambah canggih dan berubah dengan pesatnya bagi memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak pengguna sektor kewangan. Perkembangan ini telah mendorong kepada perubahan struktur sektor kewangan dengan kewujudan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih inovatif dan kompleks serta saluran penyampaian dan rangkaian pembayaran yang lebih luas dan cekap. Ini menimbulkan cabaran kepada pengguna kerana pengetahuan mereka tentang kewangan perlu dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan dan inovasi dalam sektor kewangan.

Oleh itu, pengguna harus mengambil inisiatif untuk mendapatkan maklumat kewangan secara pro-aktif dan tahu tentang saluran untuk mendapatkan khidmat nasihat yang diperlukan bagi menyelesaikan pertikaian berkaitan produk dan perkhidmatan sektor kewangan.

Pengguna juga perlu bijak dalam merancang pengurusan kewangan keluarga dan peribadi masing-masing serta faham tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna kewangan. Ini merupakan tanggungjawab yang perlu kita pikul demi menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan hidup, di samping untuk menghindarkan diri dari menjadi mangsa penipuan kewangan.

Pengguna yang menghadapi masalah kewangan, termasuk mereka yang menanggung hutang yang tinggi, terlibat dalam skim penipuan kewangan dan skim cepat kaya, berhutang dengan pemberi pinjaman tidak berlesen seperti 'Ah Long', atau yang telah/akan diisytiharkan muflis; sering dikaitkan dengan mereka yang gagal menguruskan kewangan dengan baik. Golongan pengguna seperti ini mungkin tidak sedar bahawa perkhidmatan berupa bantuan khidmat nasihat telah ditubuhkan di kesemua institusi kewangan, Bank Negara Malaysia, Biro Pengantaraan Kewangan, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia serta Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit, untuk memberi bantuan dan khidmat nasihat kewangan secara percuma.

Kerajaan sentiasa menyokong usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran pengguna tentang isu-isu kewangan. Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan agar semua pengguna dibekalkan dengan pengetahuan kewangan yang mencukupi, dan yang lebih penting lagi supaya wujud budaya mempraktikkan kemahiran yang

dipelajari itu dalam kehidupan harian mereka. Ini dapat membantu mereka supaya sentiasa berhemah dalam perbelanjaan, simpanan mahupun pelaburan dan seterusnya menjamin kewangan yang kukuh dan selesa sehingga ke hari tua kelak. Ibu bapa pula perlu mendidik anak-anak mereka dan menyemai budaya suka menabung dan bijak mengurus wang dari peringkat kanak-kanak lagi.

Golongan pengusaha industri kecil dan sederhana juga perlu mempunyai pengetahuan tentang produk dan perkhidmatan kewangan yang sesuai dengan keperluan perniagaan masing-masing. Di samping itu, mereka perlu memantapkan kemahiran mengurus kewangan supaya perniagaan mereka terus maju dan berdaya saing.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua agensi dan pertubuhan seperti Jawatankuasa Kerja Kampung serta pusat khidmat penduduk yang berkaitan supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk terus bekerjasama dengan pihak penganjur M2K 2009 dalam perkongsian pintar seperti ini bagi meningkatkan lagi tahap celik kewangan dalam kalangan pengguna. Dalam hal ini, agensi-agensi dan pertubuhan-pertubuhan berkaitan dapat memainkan peranan yang bermakna dengan membantu mengedarkan risalah dan buku-buku kecil yang memberikan maklumat serta panduan kewangan yang disediakan oleh pihak penganjur, berkongsi pengalaman serta mengambil inisiatif dalam mendidik pengguna memahami isu-isu kewangan termasuk produk dan perkhidmatan perbankan, perbankan Islam, insurans dan takaful, di samping aspek pengurusan kewangan dan kredit.

Saya percaya para pengguna di Kuala Terengganu mengamalkan tabiat pengurusan kewangan yang berhemat. Namun, masih ramai lagi yang tidak mengambil peluang terhadap kewujudan program pendidikan pengguna yang dijalankan oleh pihak penganjur bagi meningkatkan tahap keupayaan kewangan mereka. Oleh yang demikian, para pengguna khususnya di Kuala Terengganu disarankan supaya mengambil peluang keemasan ini dengan menyertai M2K 2009 bagi meningkatkan keupayaan kewangan masing-masing. Pengguna yang celik kewangan mendorong peningkatan kecekapan serta memupuk persaingan sihat dan inovasi produk dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan.

Akhir kata, saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya dapat mengambil peluang yang ada dan menghebahkan kepada sanak saudara dan rakan taulan tentang M2K 2009. Ini supaya mereka tidak ketinggalan untuk meraih manfaat daripadanya.

Dengan harapan agar usaha ini dirahmati Allah dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Minggu Kesedaran Kewangan atau M2K 2009.

Sekian, terima kasih.